



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

KPWKM SERAH PROJEK KAMPUNG ANGKAT MADANI DI KAMPUNG BUNTAL, SARAWAK

KUCHING, 15 JANUARI – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) hari ini telah menyempurnakan Majlis Penyerahan Projek Kampung Angkat MADANI Tahun 2025 di Kampung Buntal, Kuching, Sarawak, sekali gus mencerminkan komitmen Kerajaan MADANI dalam memperkasa pembangunan komuniti luar bandar secara menyeluruh dan berimpak tinggi.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri berkata, Program Kampung Angkat MADANI merupakan inisiatif nasional yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri bagi memperkukuh penyampaian perkhidmatan kerajaan melalui pendekatan pembangunan yang lebih tersusun, berfokus dan berteraskan keperluan sebenar komuniti setempat.

Sebagai sebahagian daripada pelaksanaan Kampung Angkat MADANI KPWKM, Kementerian melalui Bahagian Pembangunan telah melaksanakan kerja-kerja menaik taraf Dewan Serbaguna Kampung Buntal melibatkan kos sebanyak RM998,200.00. Projek ini telah dilaksanakan selama 28 minggu, bermula 5 Jun 2025 hingga 18 Disember 2025.

Menurut beliau, dewan serbaguna yang dinaik taraf ini bukan sahaja mengalami transformasi fizikal, malah dilengkapi kemudahan yang lebih selesa, moden dan kondusif bagi menyokong pelbagai aktiviti kemasyarakatan. Dewan tersebut bakal berfungsi sebagai pusat aktiviti komuniti, penganjuran program wanita dan keluarga, mesyuarat komuniti, program belia serta pelaksanaan inisiatif kesejahteraan sosial di peringkat akar umbi. Selain itu, kemudahan ini juga akan digunakan sebagai Pusat Pemindahan Sementara (PPS) sekiranya berlaku bencana atau situasi kecemasan.

Sempena majlis penyerahan ini, KPWKM turut membawa pelbagai pengisian interaktif kepada penduduk Kampung Buntal dengan penglibatan jabatan dan agensi di peringkat Persekutuan dan Negeri. Antara pengisian yang dilaksanakan termasuk tiga sesi perkongsian ilmu oleh Yayasan Kebajikan Negara, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) serta Jabatan Pembangunan Wanita.

Selain itu, lima perkhidmatan bergerak turut disediakan iaitu Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS), Klinik Bergerak LPPKN, Klinik Pergigian Bergerak, Kaunter Perkhidmatan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Kaunter Perkhidmatan Jabatan Pendaftaran Negara. Program lain yang turut diadakan termasuk Jualan Rahmah, saringan Kanser Serviks HPV/DNA, saringan mammogram, perkhidmatan kaunseling dan psikosial, Kempen Awak OK Tak? Jom Kongsi, Sahabat KafeTeen, Skuad Aman Wanita (AMANITA) serta perkhidmatan Talian KASIH 15999.

YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri turut merakamkan penghargaan kepada Kementerian Kewangan, Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM), Kerajaan Negeri Sarawak, Bahagian Pembangunan KPWKM, pihak kontraktor serta semua pihak yang terlibat atas kerjasama dan komitmen dalam menjayakan projek ini.

Beliau berharap Dewan Serbaguna Kampung Buntal yang diserahkan hari ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya sebagai ruang penyatuan komuniti serta pemangkin kepada pembangunan sosial dan ekonomi masyarakat setempat, selari dengan aspirasi Malaysia MADANI yang inklusif, sejahtera dan berdaya tahan.

Turut hadir YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM, YBhg. Dato Jasni bin Haji Jubli, Pengarah Pejabat Pembangunan Negeri Sarawak, YBhg. Datin Safida Zalma binti Mohd Piah, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) KPWKM, YBhg. Datuk Che Murad Sayang bin Ramjan, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat, YBrs. Tuan Zaidi bin Haji Sarkawi, Pegawai Daerah Kuching dan pegawai-pegawai kanan Kementerian, Jabatan dan Agensi yang lain.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
15 JANUARI 2026**